

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR BIN HAJI
SALLEH [KALABAKAN]**

TARIKH : 19 MEI 2016 (KHAMIS)

SOALAN :

YB Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan ESSCOM ditubuhkan pada 2013 sehingga hari ini belum nampak keberkesanannya di kalangan rakyat Sabah kerana setiap kali ada penculikan dilakukan oleh Abusayaf. Baru-baru ini 4 rakyat Malaysia diculik bermakna ESSCOM tidak begitu berkesan. Apakah langkah proaktif Kerajaan supaya perkara penculikan tersebut dapat dibanteras.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kenyataan bahawa ESSCOM tidak berkesan adalah tidak benar. Ini kerana langkah pengukuhan dan memperketatkan kawalan keselamatan yang dilakukan oleh ESSCOM khususnya di pusat peranginan, sangkar ikan dan laluan-laluan berisiko telah memaksa *kidnap for ransom group* (KFRG) menukar *modus operandi* dengan menyerang bot-bot tunda yang belayar di kawasan sempadan perairan antarabangsa kerana sukar menembusi kawalan keselamatan di ESSZONE. Aturgerak trup juga telah dipertingkatkan termasuk keupayaan pengawasan. Peningkatan ini telah meningkatkan *visual presence and deterrence*.

Bagi menangani masalah pencerobohan dan ancaman penculikan, beberapa tindakan sedang disusuli oleh Kerajaan Malaysia, Indonesia dan Filipina dalam menangani isu penculikan di ESSZONE seperti berikut;

- i. Rondaan bersama secara terkoordinasi;
- ii. Memberi perlindungan keselamatan pelayaran terhadap vesel-vesel yang melalui Perairan Laut Sulu dan Laut Sulawesi yang berisiko serta mengambil tindakan sekiranya vesel-vesel ini diancam;
- iii. Mewujudkan *national focal point* antara ketiga-tiga negara bagi memudahkan perkongsian maklumat dan risikan sekiranya berlaku sesuatu insiden atau kecemasan terhadap vesel-vesel di Perairan Laut Sulu dan Laut Sulawesi; dan
- iv. Mewujudkan sebuah talian *hotline* antara ketiga-tiga negara untuk penyelarasan tindakan sekiranya sesuatu insiden atau kecemasan berlaku.

ESSCOM turut mengambil tindakan pro-aktif seperti berikut:

- i. Perkongsian maklumat dan risikan antara agensi dan juga dengan agensi perisikan Filipina.

- ii. Melaksanakan operasi-operasi di daratan dan laut (OP BERSEPADU, OP GASAK, OP GASAK LAUT dan OP KHAS) sebagai usaha pencegahan dan sebagai *show of force*;
- iii. Melancarkan operasi-operasi khas memburu sarang-sarang penjenayah/tali barut Abu Sayaf Group (ASG) dari semasa ke semasa;
- iv. Memberi perlindungan keselamatan pelayaran vesel-vesel yang melalui perairan ESSZONE dengan tindakan-tindakan berikut:
 - a) *Routing advice* bagi menghindari laluan-laluan berisiko tinggi;
 - b) *Notice to mariners* dan menghebahkan *navtext* oleh Jabatan Laut Malaysia bagi menasihatkan vesel-vesel mengambil langkah berjaga-jaga apabila melalui perairan yang berisiko tinggi;
 - c) Membayangi (*shadows*) dan mengiringi vesel-vesel selaras ancaman semasa; dan
 - d) *Engagement* dengan persatuan perkapalan, agen perkapalan dan nakhoda dalam memastikan tindakan *shipboard preventive measures* dilaksanakan dengan serius.

Sekian. Terima kasih.